

## MODEL PdP BALAGHAH AL-WADIIHAH BERASASKAN PAK 21

Yuslina Mohamed<sup>i</sup>, Mohamed Haji Ibrahim<sup>ii</sup>, Zulkipli Md Isa<sup>iii</sup>, W. Moharani Mohammad<sup>iv</sup>,  
Sulaiman Ismail<sup>v</sup>, Nurhasma Muhamad Saad<sup>vi</sup>, Muhammad Marwan Ismail<sup>vii</sup>

<sup>i</sup> (Penulis Koresponden), Pensyarah, Universiti Sains Islam Malaysia. [yuslina@usim.edu.my](mailto:yuslina@usim.edu.my)

<sup>ii</sup>Pensyarah, Universiti Sains Islam Malaysia. [mohamed@usim.edu.my](mailto:mohamed@usim.edu.my)

<sup>iii</sup>Pensyarah, Universiti Sains Islam Malaysia. [zulkipli@usim.edu.my](mailto:zulkipli@usim.edu.my)

<sup>iv</sup>Pensyarah, Universiti Sains Islam Malaysia. [moharani@usim.edu.my](mailto:moharani@usim.edu.my)

<sup>v</sup>Pensyarah, Universiti Sains Islam Malaysia. [sulaiman.i@usim.edu.my](mailto:sulaiman.i@usim.edu.my)

<sup>vi</sup>Pensyarah, Universiti Sains Islam Malaysia. [nurhasma@usim.edu.my](mailto:nurhasma@usim.edu.my)

<sup>vii</sup>Pensyarah, Universiti Sains Islam Malaysia. [marwanismail@usim.edu.my](mailto:marwanismail@usim.edu.my)

### Abstrak

Kemampuan pelajar untuk menguasai ilmu Balaghah masih berada pada tahap yang rendah disebabkan beberapa faktor seperti: Dorongan, kesediaan, kemampuan dan suasana yang tidak menggalakkan. Manakala strategi, pendekatan dan metod pengajarannya yang tidak efektif dan sesuai serta tidak kontemporari di IPTA/S merupakan faktor utama yang menyumbang kepada masalah tersebut. Justeru, kajian ini akan membangunkan satu model pengajaran dan pembelajaran Balaghah berdasarkan teori reka bentuk pengajaran ADDIE yang terdiri dari (i) Analisis kandungan (Analysis); (ii) Reka Bentuk persembahan Balaghah (Design); (iii) Pembangunan model balaghah PAK 21 (Development), (iv) Pelaksanaan model balaghah PAK 21 (Implementation); dan (v) Penilaian terhadap model Balaghah PAK 21 (Evaluation). Gabungan reka bentuk ADDIE dan pendekatan abad ke-21 telah membentuk satu model pengajaran Balaghah yang memenuhi (Needs) kehendak dan keperluan pelajar. Dengan demikian, pembangunan model pengajaran balaghah PAK 21 ini selari dengan hasil dapatan daripada pensyarah seluruh IPTA di Malaysia agar pengajaran dan pembelajaran Balaghah di peringkat IPT dapat diselaraskan agar dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang sedia ada.

Kata kunci: Model pengajaran dan pembelajaran balaghah, Model ADDIE, Pendekatan abad ke-21 (PAK 21)

## PENDAHULUAN

Pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab telah bertapak di Malaysia sejak dari peringkat rendah sehinggalah ke peringkat tinggi. Di sini kita lihat bahawa bahasa Arab merupakan bahasa yang penting untuk mempelajarinya agar dapat memahami Al-Quran dengan baik. Justeru, perkembangan ilmu Balaghah Arab juga berkembang seiring dengan perkembangan bahasa Arab, ini kerana ilmu Balaghah adalah salah satu asas penting yang terdapat dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab itu sendiri (Mat Taib bin Pa, 2006). Ilmu balaghah atau retorik Arab merupakan salah satu komponen asas dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab selepas ilmu nahu (tatabahasa) dan saraf (Morfologi) dan sebagainya. Ilmu balaghah juga merupakan elemen yang penting dalam proses penguasaan bahasa arab dengan baik, kerana belum sempurna ilmu bahasa Arab seseorang itu jika tidak menguasai balaghah. (Raja

Hazirah & et. Al, 2014) Oleh itu, terdapat banyak kepentingan yang boleh diperolehi dalam pembelajaran ilmu balaghah ini yang mana membolehkan pelajar menggunakan bahasa Arab dengan sempurna dan mampu menyatakan maksud yang dikehendaki. Sehubungan dengan itu, ia mampu meningkatkan keupayaan pelajar untuk memahami makna karya-karya sastera dan unsur-unsur keindahan bahasa yang terdapat padanya (al-Rikabi, 1996).

Balaghah merupakan salah satu komponen penting dalam ilmu bahasa dan merupakan salah satu subjek bahasa yang amat penting bagi pelajar jurusan bahasa Arab untuk membantu mereka menghayati makna di sebalik ungkapan dan penggunaan bahasa Arab. Selain itu, subjek ini merupakan subjek teras yang wajib dipelajari oleh setiap pelajar jurusan bahasa Arab kerana kepentingannya yang sangat besar pada pemahaman dan aplikasinya dalam karya-karya sastera syair dan prosa. Melalui ilmu ini pelajar mampu untuk memahami, menghayati dan memupuk cita rasa sastera Arab serta menyingkap makna dan rahsia keindahan dalam ayat-ayat al-Quran. Oleh itu, peranan ilmu Balaghah merupakan satu disiplin yang kritikal dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Ilmu Balaghah ini amat penting kepada pelajar yang mana mereka dapat membezakan antara kalam yang baik dan sebaliknya hanya dengan mendalami ilmu balaghah. Secara asasnya, pelajar-pelajar pun telah didedahkan dengan ilmu balaghah ini semasa di sekolah menengah, sehinggalah ke peringkat universiti, jadi sewajarnya mereka tidak ada alasan untuk mereka tidak menguasai ilmu balaghah (Raja Hazirah Raja Sulaiman, 2012).

Justeru, kajian ini akan mengumpulkan strategik-strategik yang disarankan oleh para sarjana terhadap pengajaran dan pembelajaran Balaghah dan melihat keberkesannya untuk diaplikasikan kepada para pelajar. Dan ia juga memastikan pembelajaran dan pengajaran Balaghah yang lebih optimum dan berterusan dengan pesat untuk pelajar IPTA/IPTS, jadi pengkaji ingin membangunkan satu Model Pengajaran dan Pembelajaran Balaghah mengikut fasa reka bentuk pengajaran dan pembelajaran model ADDIE. Tambahan, kajian ini juga akan membina satu model pengajaran dan pembelajaran Balaghah berdasarkan dengan PAK 21 dengan berasaskan buku Balaghah al-Wadiah & al-Balaghah ar-Arabiyyah yang merupakan rujukan utama dalam pembelajaran Balaghah.

## **SOROTAN LITERATUR KAJIAN**

Abdullah Tahmim (1999) menyatakan bahawa pengajaran Balaghah kini masih tidak cenderung kepada aplikasi penghayatan keindahan bahasa dan memahami makna-makna yang tersirat di sebaliknya dalam penulisan ataupun pertuturan kerana hanya tertumpu kepada teori-teori dan kaedah semata. Terdapat banyak faktor kelemahan

pengajaran Balaghah di Malaysia adalah berpunca daripada kelemahan tenaga pengajar itu sendiri yang kurang jelas dalam memahami konsep dan metode pengajaran Balaghah yang sepatutnya. Sehubungan dengan itu, pengajaran Balaghah masih bersifat jumud dan gagal untuk membimbing pelajar menghasilkan kata-kata yang mempunyai nilai Balaghah, sehingga tidak banyak menyumbang ke arah penghayatan cita rasa sastera arab dan pembentukan keupayaan bahasa dalam kalangan pelajar (Fathi Farid, 1983). Kebanyakan pelajar mengakui bahawa kemampuan mereka dalam memahami subjek Balaghah semakin lemah semasa mereka di peringkat pengajian tinggi berpunca daripada kurikulum subjek Balaghah itu sendiri, pendekatan, strategik serta metod pengajarannya yang kurang efektif, dan kesannya adalah tidak mampu untuk mencapai matlamat pengajaran Balaghah tersebut (Anuar, 2010).

Terdapat kajian penguasaan Balaghah dalam kalangan pelajar IPTA berada di tahap rendah dan sederhana, tetapi tahap motivasi mereka dalam pembelajaran Balaghah adalah tinggi. Pelajar masih belum menguasai subjek Balaghah walaupun mereka telah mencapai pencapaian yang baik dan cemerlang dalam peperiksaan. Sehubungan dengan itu, pelajar IPTA masih tidak mampu untuk menghayati makna yang tersirat dan apatah lagi mempraktikkannya semasa dalam percakapan dan penulisan. Penguasaan pelajar dalam subjek Balaghah di tahap yang membimbangkan, oleh kerana kelemahan pelajar dalam memahami ilmu tersebut dan kelemahan metod pengajaran Balaghah yang tidak menepati konsep yang sepatutnya seperti yang dinyatakan oleh para sarjana. Perkara ini boleh terjadi apabila kebanyakan tenaga pengajar yang mengajar Balaghah hanya menumpukan kaedah yang mana tertumpu kepada aspek pengetahuan tentang definisi, contoh dan pembahagian tanpa melihat aspek aplikasi dan analisis, seperti membina ayat-ayat yang puitis dan penggunaan ayat-ayat Balaghah dalam pertuturan bahasa Arab (Raja Hazirah, 2012). Oleh itu, pelajar itu tidak mampu untuk memahami konsep atau kaedah yang diajarkan oleh guru sehingga mereka memikirkan bahawa subjek ini tidak memberi impak dalam penguasaan bahasa Arab walaupun mereka mempunyai kesedaran yang tinggi dalam pembelajaran Balaghah (Azhar etl.,2006).

Setelah menelusuri isu pengajaran dan pembelajaran, ia perlu menggariskan objektif yang mana mementingkan usaha dalam membentuk keupayaan bahasa dan sastera pelajar, dan kelemahan berlaku dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran ilmu Balaghah agar tidak dipandang remeh dan perlu mengambil inisiatif sewajarnya (Ab Rahim,1999). Jadi, permasalahan kefahaman guru dan pelajar terhadap konsep sebenar pengajaran dan pembelajaran Balaghah dan prinsip pengajarannya perlu dititikberatkan. Sehubungan dengan itu, masa dan ruang yang sangat terhad di mana sukatan pelajaran Balaghah merangkumi tiga aspek ilmu pengetahuan yang perlu dihabiskan selama 14 kali pertemuan pada setiap semester. Ini boleh menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran amat sulit ditambah dengan kaedah yang

diterapkan dalam bentuk penjelasan model ceramah sehingga memerlukan konsentrasi yang tinggi untuk memahaminya daripada pihak pelajar (Raja Hazirah, Nurazan Rouyan, Shuhaida Hanim, Muzammir Anas, 2014).

Sehubungan dengan itu, proses pembelajaran dan pengajaran balaghah perlu dilakukan dengan suasana pembelajaran ilmu bahasa dan kesusasteraan Arab yang mana menumpukan kepada analisis teks yang dipelajari untuk menjelaskan kepada pelajar tentang keunikan sastera Arab dan mengaplikasikannya dalam penulisan dan pertuturan seharian (Nor Syazwani, 2014). Oleh itu, terdapat pelbagai kaedah yang digunakan oleh pensyarah IPTA/IPTS dan setiap kaedah mempunyai kekuatan dan kelemahan jadi, para sarjana perlulah mencari kaedah pembelajaran yang terkini yang bersesuaian mengikut abad ke-21 agar ia lebih menyeronokkan dan menarik untuk dijalankan semasa proses pengajaran dan pembelajaran balaghah dalam kelas (Azhar Muhammad, 2008).

Selain itu, untuk membangunkan sesebuah bahan pengajaran dan pembelajaran perlu menitikberatkan langkah-langkah yang saintifik kerana kualiti sesuatu bahan yang akan terhasil dapat ditentukan (Jamalludin & Zaidatun, 2003). Oleh itu, perancangan yang sistemati merupakan satu elemen yang penting sebelum ingin membangunkan sesebuah bahan pengajaran atau pembelajaran perlu dilakukan dan juga mesti melihat kepada pendekatan pengajaran semasa agar ia boleh digunakan bersesuaian dengan sasaran pengguna.

Sebelum para pendidik ingin menghasilkan bahan mengajar yang berkesan, maka mereka perlu memilih reka bentuk pengajaran yang sesuai. Terdapat pelbagai reka bentuk yang dihasilkan oleh pakar-pakar dalam bidang pendidikan antaranya model Waterfall (1970), model Hanaffin dan Peck (1988), model Dick dan Carey (1996) model Assure (1996), model Gagne dan Briggs (1979), serta model ADDIE (1998). Namun, pengkaji telah memilih model ADDIE untuk melakukan model pengajaran dan pembelajaran Balaghah. Menurut Rahmat Arofah (2019) berkata bahawa model ADDIE ini merupakan salah satu reka bentuk pengembangan bahan pengajaran yang sering digunakan oleh sistem pembelajaran kini dan juga model ADDIE merupakan salah satu dasar sistem pembelajaran yang mudah untuk dilakukan. Pemilihan model ADDIE ini sebagai model reka bentuk intruksi bagi pembinaan model pengajaran dan pembelajaran Balaghah, ini kerana urutan proses reka bentuk pengajarannya yang sistematik (Jamalludin & Zaidatun, 2003). Selain itu, model ini juga berorientasikan produk dan sesuai untuk digunakan dalam kaedah pengajaran kerana model ini menunjukkan secara langkah demi langkah kepada pembangunan dalam merancang dan membangunkan sesuatu (Shaharuddin dan Nornajidah, 2010). Terdapat lima langkah utama dalam model ini, (i) Analisis (Analysis); (ii) Reka Bentuk (Design); (iii) Pembangunan (Development), (iv) Pelaksanaan (Implementation); dan (v) Penilaian (Evaluation). (Branch, 2009) terdapat kajian di mana model ini mampu memberi

keberkesanan dalam membangunkan model pengajaran dan pembelajaran kerana ia merupakan satu proses yang menyeluruh tentang aktiviti reka bentuk pengajaran dan pembelajaran.

### **Pendekatan Pendidikan Abad ke-21**

Pendekatan pendidikan semakin berkembang mengikut peredaran zaman. Pelaksanaan Pelan Pembangunan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah membuka dimensi baharu ke dalam sistem pendidikan di Malaysia mengakibatkan berlakunya beberapa transformasi dalam dasar, fokus, pendekatan dan strategi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah melalui pendekatan Abad ke-21 (Nurazizah Maarup & Harun Baharudin, 2016). Tujuan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 adalah untuk membangunkan kemampuan pelajar dalam melakukan persediaan kerjaya mereka dan menyediakan tenaga mahir untuk pembangunan negara (Normala Ali dan Rozaidah Talib, 2016). Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 (PAK 21) telah membawa perubahan keperluan pelajar dan dari segi kemahiran pembelajaran juga dikehendaki seperti kemahiran pembelajaran, kemahiran literasi dan kemahiran hidup. Keperluan pembelajaran abad ke-21 mampu memberi fokus kepada pelajar untuk menjadi individu yang aktif membangunkan pengetahuan dan kemahiran yang berlaku dalam pelbagai dimensi, di mana sahaja dan pada bila-bila masa di bawah bimbingan tenaga pengajar sebagai pemudahcara pembelajaran. Pembelajaran abad ke-21 juga menekankan kepada integrasi empat kemahiran antaranya, kemahiran berkomunikasi, kemahiran berkolaboratif, kemahiran pemikiran kreatif, dan kemahiran pemikiran kritis dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Mohamed Amin (2016) juga menegaskan bahawa pelajar pada masa kini perlu menekankan aspek 4C bagi memastikan mereka berdaya saing khususnya di dalam masyarakat global seperti di Rajah 1.1 di bawah:

#### **Kemahiran 4C**



Rajah 1.1: Kemahiran 4C

1. Komunikasi: Pelajar perlu meningkatkan kemahiran komunikasi dan berkongsi idea dan pendapat semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku.
2. Kolaborasi: Pelajar perlu meningkatkan kemahiran kolaborasi sesama pelajar dalam melaksanakan sesuatu perkara sama ada di ruang fizikal seperti bilik kuliah mahupun di ruang maya yang mana amat menitikberatkan penggunaan teknologi yang bersesuaian.

3. Kreativiti: Pelajar perlu menambahkan keupayaan untuk berfikir secara kreatif dan kritis dalam pembentukan sebuah proses pengajaran dan pembelajaran yang bermakna dan penyelesaian masalah yang berkesan.
4. Pemikiran Kritis: Pelajar perlu memikirkan sesuatu benda dengan kritis dengan cara menganalisa, mensintesis serta mengaplikasi tanpa diselia sehingga pelajar tersebut akan lebih peka terhadap persekitaran PdP mereka.

Menurut Bernet Berry (2011) telah mendefinisikan bahawa pembelajaran abad ke-21 sebagai suatu bentuk pembelajaran yang memerlukan pelajar menguasai isi kandungan dan menghasilkan, mensintesis (penyatuan/penggabungan) dan menilai maklumat daripada pelbagai mata pelajaran dan sumber yang luas dengan memahami dan menghormati budaya yang berbeza, kemudian dengan pendekatan ini pelajar diharapkan dapat mencipta, berkomunikasi, bekerjasama, serta celik kepada digital. Menurut Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia (2015) pendekatan abad ke-21 ini menumpukan beberapa kemahiran utama iaitu kolaboratif, celik digital, kemahiran berfikir dan penyelesaian masalah. Terdapat perbezaan antara ciri pembelajaran dan pengajaran (PdP) Abad ke-20 dan Abad ke-21 iaitu, PdP Abad ke-20 hanya berpusatkan pensyarah dan pengajar, pembelajaran secara individu, berfokuskan pengetahuan, tenaga pengajar hanya fokus kepada teori sahaja dan PdP tersebut belaku hanya dalam bilik kuliah. Manakala PdP Abad ke-21 hanya berpusatkan kepada pelajar, proses pembelajaran secara kolaboratif atau koperatif, berfokuskan kepada kemahiran, berpandukan kepada praktikal dan amali semasa proses pengajaran dan pembelajara, dan PdP boleh berlaku d imana-mana dan bila-bila masa (Siti Noraidah Ali, Nur Liyana & Ahmad Taufiq Wafi, 2018). Dengan pendekatan inilah pelajar boleh dibangunkan secara menyeluruh untuk buat persediaan dalam membina kerjaya mereka dan melengkapkan pelbagai ilmu serta kemahiran sebagai rakyat Malaysia yang berketerampilan dan boleh bersaing di peringkat global (Alin Abdullah & Muhamad Kasim Basir, 2016).

Terdapat pelbagai teknik dan aktiviti dalam pengendalian pengajaran dan pembelajaran pada abad ke 21 ini yang melibatkan kumpulan kecil, antaranya, seperti Rajah 1.3 berikut:

Nama teknik	Cara pelaksanaan
Think-Pair-Share	-Topik diberikan pensyarah -Pelajar berfikir sendiri dalam jangkamasa tertentu -Masa tamat dan pelajar berkongsi idea Bersama pasangan -Masa tamat dan pelajar berkongsi dengan keseluruhan kelas
Hot Seat	-Aktiviti susulan selepas pelajar membuat bacaan dan kajian (individu atau kumpulan)

	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Seorang pelajar akan duduk di kerusi yang disediakan dan menjadi 'pakar' atau 'watak'</li> <li>- 'pakar' atau 'watak' akan menjawab segala soalan yang dilontarkan oleh pelajar lain</li> </ul>
Gallery Walk	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Aktiviti selepas kajian/carian</li> <li>-Pelajar menampal hasil kerja di paparan untuk dilihat oleh kumpulan lain.</li> <li>-Pelajar boleh menulis komen tentang hasil kerja kumpulan lain di atas nota pelekat dan menampal di atas hasil kerja itu.</li> </ul>
Round Table/Travelling File	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Pelajar duduk kumpulan</li> <li>-Pensyarah mengemukakan topik</li> <li>-Secara bergilir, pelajar mencatat idea</li> <li>-Pelajar menggunakan pen kertas yang sama</li> </ul>

Rajah 1.3 Teknik pengajaran dan pembelajaran abad ke-21


Kajian ini akan memfokuskan pembinaan model pengajaran dan pembelajaran Balaghah PAK 21 yang berkesan dan perlu disusun bagi mencapai matlamat pengajaran dan pembelajaran yang diharapkan. Mohd Ridzuan (2002) mengatakan bahawa didapati penyelidikan mengenai strategi pengajaran dan pembelajaran Balaghah di peringkat IPT masih kurang dijalankan di Malaysia. Dalam kajian yang telah dilakukan oleh Raja Hazirah (2012) mendapati bahawa tahap penguasaan pelajar dalam subjek ini agak membimbangkan kerana antara faktornya adalah berpunca daripada kelemahan kelemahan metod pengajaran Balaghah yang tidak menepati konsep yang sepatutnya. Strategik pengajaran dan pembelajaran ini merupakan satu tunjang utama dalam menentukan keberkesanan proses tersebut. Namun, kajian ini akan membina satu model pengajaran dan pembelajaran PAK 21 untuk subjek balaghah di IPTA/IPTS.

## METODOLOGI KAJIAN

Pengkaji berhasrat membina satu Model Pengajaran dan Pembelajaran Balaghah PAK 21 yang berpandukan kepada model ADDIE. Sepertimana kita tahu bahawa model ADDIE (Analysis, Design, Development, Implementation, Evaluation) di mana model ini merupakan reka bentuk pengajaran yang utama dan menjadi sumber kemunculan model-model yang lain (Carr-Chellman, 2011).

Menurut (Larson & Lockee, 2014; McKenney & Reeves, 2012; Morrison, Ross, & Kemp, 2007) hampir semua model reka bentuk pengajaran mempunyai lima peringkat proses utama termasuk model ADDIE iaitu (i) Analisis (Analysis); (ii) Reka Bentuk (Design); (iii) Pembangunan (Development) ,(iv) Pelaksanaan (Implementation); dan (v) Penilaian (Evaluation). Reka bentuk pengajaran sangat penting dalam Pendidikan kerana ia merupakan satu kaedah yang strategik dan

sistematik dengan tujuan untuk memudahkan pelajar menguasai objektif yang dikehendaki. (Yusup & Razmah, 2006). Berikut merupakan aliran langkah atau aliran kerja dalam model reka bentuk pengajaran ADDIE yang dibangunkan oleh Jamaluddin dan Zaidatun, (2003).



Rajah 1.4 Aliran kerja reka bentuk ADDIE

Sumber: Jamaluddin dan Zaidatun, (2003). *Multimedia dalam Pendidikan*

Oleh itu, model ADDIE yang berdasarkan PAK 21 mampu untuk menghasilkan pengajaran yang berkesan yang membolehkan pelajar memperoleh kemahiran, pengetahuan dan sikap tertentu. Model ADDIE digunakan untuk membangunkan Model Pengajaran dan pembelajaran bagi kandungan balaghah di IPTA/IPTS. Tujuan utama pembangunan model ini adalah membentuk bahan pengajaran standard bagi subjek Balaghah di IPTA/IPTS. Kajian ini juga akan menyatakan proses pembangunan setiap fasa yang terkandung dalam model secara terperinci.

### **Penghasilan Kandungan Model**

Kandungan buku al-Balaghah al-Wadhihah ini terdiri daripada 3 topik yang utama antaranya adalah Ilmu al-Bayan, Ilmu al-Maa'ni, dan Ilmu al-Badi'. Setelah membuat penelitian buku al-Balaghah al-Wadhihah, didapati bahawa buku ini amat sesuai kepada pelajar di peringkat tinggi kerana contoh-contoh yang diberikan kebanyakannya daripada syair arab dan contoh ayat-ayat al-Quran (Walfajri, 2019) Sehubungan dengan itu, bahasa atau perbendaharaan kata yang digunakan dalam buku ini adalah sederhana terutamanya kepada pelajar-pelajar bukan penutur asli. Pelajar akan dapat kemudahan dari segi memahami makna kosa kata yang susah yang diletakkan di bawah nota kaki bagi setiap muka surat. Selain itu, terdapat banyak

soalan-soalan atau latihan-latihan yang mana memainkan peranan penting untuk menilai penguasaan dan kelemahan pelajar dalam sesuatu topik. Dalam masa yang sama pelajar mampu mengklasifikasikan kandungan yang mudah ataupun yang susah bagi mengukur tahap kefahaman pelajar dalam sesuatu pembahasan dalam Balaghah. Antara topik yang pengkaji akan gunakan untuk bangunkan model PnP Balaghah adalah bab *التشبيه* dalam topik Ilmu Bayan.

### Buku al-Balaghah al-Wadhihah

Ilmu al-Bayan	Ilmu al-Maani	Ilmu al-Badi'
<ul style="list-style-type: none"> <li>• التشبيه</li> <li>• الحقيقة والمجاز</li> <li>• الاستعارة</li> <li>• الكناية</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• خبر وإنشاء</li> <li>• القصر</li> <li>• الفصل والوصل</li> <li>• الإيجاز والإطناب والمساواة</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• الجناس</li> <li>• الاقتباس</li> <li>• السجع</li> <li>• التورية</li> <li>• الطباق</li> <li>• المقابلة</li> </ul>

Rajah 1.5 Isi kandungan buku al-Wadhihah

**Implementasi Model ADDIE dalam pembangunan Model Pengajaran dan Pembelajaran PAK21 bagi subjek Balaghah di IPTA/IPTS berpandukan buku al-Balaghah al-Wadhihah dan al-Balaghah al-Arabiyyah.**

Pembangunan Model Balaghah berasakan buku balaghah al-Wadhihah dan al-Balaghah al-Arabiyyah dilakukan dengan berpandukan kepada Model ADDIE dimana merangkumi fasa (i) Analisis (Analysis); (ii) Reka Bentuk (Design); (iii) Pembangunan (Development), (iv) Pelaksanaan (Implementation); dan (v) Penilaian (Evaluation). Model ADDIE dan strategi PAK21 digunakan dalam pembangunan Model Pengajaran dan Pembelajaran Balaghah ini bertujuan untuk menerapkan pendekatan berpusatkan pelajar dan menjadikan pembelajaran lebih bermakna kepada mereka.

### Analisis (Analyze)

Penguasaan teori dan penguasaan kaedah aplikasi balaghah dalam pembelajaran amat memerlukan pelajar untuk menguasai aspek teori dan mengetahui cara untuk mempraktikkan teori tersebut dalam pembelajaran Balaghah. Oleh itu, analisis keperluan (needs) telah dikumpul melalui soal selidik tidak berstruktur yang dilakukan kepada 10 pensyarah yang pakar dalam pengajaran Balaghah di IPTA/IPTS di Malaysia berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran Balaghah. Kemudian,

berpunca daripada kurikulum subjek Balaghah itu sendiri, pendekatan, strategik serta metod pengajarannya yang kurang efektif. Kesannya tidak tercapai hasil pembelajaran yang diharapkan. kaedah pengajaran dan pembelajaran yang tidak selaras yang mana mampu memberi kesan negatif kepada tenaga pengajar dan pelajar di IPTA/IPTS. Masalah-masalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1 di mana menunjukkan satu keperluan untuk membangunkan model pengajaran dan pembelajaran PAK21 bagi subjek Balaghah berpandukan al-Balaghah al-Wadhahah dan al-Balaghah al-Arabiyyah di IPTA/IPTS.

Jadual 1.1 Hasil soal selidik bersama pensyarah yang mengajar subjek Balaghah di IPTA/IPTS

Bil	Perkara	Masalah yang dikenal pasti
1)	Bahan Pengajaran	<p>Bahan pengajaran yang digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran Balaghah di IPTA &amp; IPTS adalah tidak selaras. Kebanyakan pendidik sering menghadapi masalah dalam pemilihan dan menyediakan bahan bacaan untuk pelajar kerana kurangnya pendedahan yang baik (Rini Dwi Susanti, 2014).</p> <p>Semua pensyarah di IPTA dan IPTS menggunakan rujukan yang berbeza. Buku-buku rujukan yang sering digunakan di IPTA/IPTS adalah Fi al-Balaghah al-'Arabiyyah, Abdul Aziz 'Atiq dan juga Jawahir al-Balaghah, Ahmad Hashimi kerana berkemungkinan ia merupakan buku yang sesuai untuk digunakan kepada pelajar IPT.</p>
2)	Jam pengajaran	<p>Masa yang diperuntukkan dalam pengajaran dan pembelajaran Balaghah bagi kebanyakan institusi pengajian tinggi adalah selama 3 jam. Menurut Raja Hazirah (2014) menyatakan bahawa permasalahan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Balaghah adalah masa dan ruang yang sangat terhad. Ini berpunca daripada konsep pengajaran seperti penerapan model ceramah dan ia akan mengambil masa yang lama untuk menerangkan dan memahaminya.</p>
3)	Bahasa yang digunakan dalam PnP Balaghah.	<p>Kebanyakan pensyarah telah menggunakan medium penerangan dalam bahasa Arab, namun begitu ia mampu memberi impak positif dan negatif kepada pelajar. Pelajar yang mengambil</p>

		pengkhususan bahasa Arab masih tidak mencapai tahap kecekapan berbahasa dengan baik dan mereka tidak mampu untuk memahami teks bahasa Arab dengan baik. Kemudian, sebahagian pensyarah menggunakan medium bahasa Arab dan bahasa Melayu semasa pengajaran Balaghah dilaksanakan kerana ia mampu menarik minat pelajar untuk mendalami subjek Balaghah dengan baik. (Raja Hazirah et.al, 2014)
4)	Penguasaan pelajar	Berdasarkan dapatan kajian di mana peratusan cemerlang yang direkodkan hanya 5-50% sahaja yang memperolehi keputusan yang memuaskan. Namun, tahap penguasaan pelajar universiti terhadap ilmu ini berada pada tahap yang rendah dan membimbangkan, disebabkan oleh pelajar amat lemah dalam aspek aplikasi dan tidak cenderung menggunakan ungkapan-ungkapan yang mengandungi nilai estetika yang tinggi dalam penulisan mahupun pertuturan seharian mereka.

Berdasarkan hasil kajian dalam Jadual 1, pengkaji mendapati terdapat pelbagai masalah yang dihadapi oleh tenaga pengajar dan pelajar itu sendiri. Masalah-masalah dalam PnP Balaghah di IPTA/IPTS ini melibatkan penguasaan pelajar terhadap penghayatan makna yang tersirat dan kaedah untuk mempraktikkannya semasa dalam percakapan dan penulisan. pelajar menghadapi kesukaran dek kerana kelemahan metod pengajaran Balaghah yang tidak menepati konsep yang sepatutnya seperti dinyatakan oleh para sarjana. Sehubungan dengan itu, pengkaji mendapati keperluan untuk membangunkan model pengajaran dan pembelajaran Balaghah berdasarkan PAK21 berpandukan dengan buku al-Balaghah al-Wadhihah & al-Balaghah al-Arabiyyah. Hasil kajian yang didapati pengkaji ini disokong dengan sorotan literature dan soal selidik yang menunjukkan pengajaran Balaghah masih dalam keadaan bersifat jumud dan gagal untuk membimbing pelajar menghasilkan kata-kata yang mempunyai nilai Balaghah, sehingga tidak banyak menyumbang ke arah penghayatan cita rasa sastera arab dan pembentukan keupayaan bahasa di kalangan pelajar (Fathi Farid, 1983). Kebanyakan pelajar mengakui bahawa kemampuan mereka dalam memahami subjek Balaghah semakin lemah semasa mereka di peringkat pengajian tinggi, berpunca daripada kurikulum subjek Balaghah itu sendiri, pendekatan, strategik serta metod pengajarannya yang kurang efektif, dan kesannya adalah tidak mampu untuk mencapai matlamat pengajaran Balaghah tersebut (Anuar, 2010).

### **Menentukan Objektif dan Matlamat Pengajaran**

Menurut Abd Halim Ariffin (1999) telah menggariskan empat objektif pendidikan ilmu Balaghah didasarkan kepada pembelajaran ilmu ini di sekolah-sekolah:

1. Untuk menanam rasa cinta dan bangga terhadap bahasa Arab selaku bahasa al-Quran, bahasa ilmu dan bahasa antarabangsa.
2. Untuk melatih pelajar menghayati keindahan bahasa melalui karya-karya sastra, sama ada puisi dan prosa.
3. Meneliti rahsia-rahsia al-Quran melalui keindahan gaya bahasanya dan seterusnya mengkaji unsur-unsur Balaghah yang terdapat di dalamnya.
4. Melatih pelajar untuk mencontohi gaya bahasa Arab yang indah dan cuba menggunakannya dalam percakapan dan penulisan mereka.

Manakala, terdapat lima matlamat pengajaran ilmu Balaghah antaranya adalah: (Sohair Abdel Moneim Sery, 1999).

1. Melatih pelajar untuk mendalami serta menghayati keindahan kandungan sastra. Ianya bukan hanya untuk memahami pengertian yang tersurat, bahkan ia juga perlu memahami makna yang tersirat.
2. Membolehkan pelajar untuk menemui rahsia keindahan seni serta mengetahui sumber kesannya ke atas jiwa.
3. Memahami maksud isi kandungan teks dan semua jenis kemahiran seni yang terdapat pada ahli sastra apa yang digambarkan dari jiwa dan emosinya
4. Mematangkan daya atau citarasa kesusasteraan dalam kalangan pelajar, sehingga mereka mampu untuk menjiwai keindahan sesebuah karya sastra tersebut. Ilmu ini juga pelajar mampu untuk mengarang karangan yang baik dengan mencontohi teks-teks sastra yang agung.
5. Membolehkan pelajar untuk menguasai kemampuan dalam membuat perbandingan antara para sasterawan serta menilai hasil karya mereka menurut seni Balaghah yang sebenar.

### **Analisa Sumber yang diperlukan**


Fasa Analisis ini merangkumi proses untuk menganalisis kemudahan pengajaran dan pembelajaran, sumber kandungan rujukan, sumber teknologi dan sumber manusia. (Branch, 2009) Dalam kajian ini hanya memfokuskan beberapa sumber antaranya, sumber kandungan rujukan bagi membangunkan model pengajaran dan pembelajaran berpandukan buku rujukan al-Balaghah al-Wadhiah dan al-Balaghah al-Arabiyyah. Sumber-sumber ini sebagai sumber utama untuk digunakan pengajaran dan pembelajaran Balaghah di IPTA/IPTS.

Sehubungan dengan itu, sumber teknologi mencakupi analisa terhadap bahan-bahan teknologi seperti projektor LCD, laptop dan teknologi bukan digital seperti alat

penulisan. Analisis terhadap kemudahan pengajaran akan dilakukan yang merangkumi kemudahan tempat pembelajaran dan pemudahcara samada kelas, dewan, dan masa yang diperuntukkan bagi mata pelajaran Balaghah dalam jadual PnP.

Selain itu, cara penyampaian amat penting untuk dianalisa dan dikenalpasti dari segi pendekatan dan kaedah-kaedah PdPc yang sesuai dalam reality hari ini. (Branch, 2009) Penggunaan Model ADDIE perlu diaplikasikan pada abad ke-21 ini kerana pembelajaran tersebut berpusatkan pelajar di mana ia sangat sesuai untuk dipraktikkan dikalangan mahasiswa di IPTA/IPTS. Antara asas-asas utama pengajaran *al-Balaghah* mengaitkannya secara langsung dengan teks-teks sastra Arab yang mempunyai unsur dan nilai retorik yang boleh dijadikan contoh (Muhammad Abdul Kadir, 1999). Antara kaedah serta pendekatan yang sesuai digunakan untuk mengajar balaghah seperti yang dicadangkan oleh pakar-pakar pendidikan bahasa ialah kaedah Induktif (*al-Tariqat al-Istiqraiyyah/ al- Istinbantiyyah*) (Nik Mohd Rahimi et. Al, 1999):

Rajah 1.6: Kaedah Induktif (*al-Tariqat al-Istiqraiyyah/ al-Istinbantiyyah*)



Oleh itu, pendekatan berpusatkan pelajar ini menggunakan kaedah induktif dalam pembelajaran balaghah yang digabungkan dengan kaedah pembelajaran Abad 21 (PAK 21) iaitu melibatkan *Wall gallery*, *Travelling file* dan *Rolly robin*. (Kementerian Pelajaran Malaysia, t.t)


### Reka Bentuk (Design) .

Dalam fasa ini, pengkaji akan membina satu rangka model sebelum modul yang sebenar dibangunkan. Pembinaan model ini merupakan satu kayu ukur dan panduan bagi proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan berkesan. Fasa reka bentuk bertujuan mengesahkan bentuk bahan yang ingin dibangunkan dan kaedah

pembinaan yang bersesuaian. Terdapat beberapa prosedur umum yang berkaitan dengan fasa rekabentuk mencakupi pengendalian aktiviti, menentukan objektif pencapaian, menjana strategik bersesuaian (Branch, 2009).


Dalam pembangunan model Pengajaran dan pembelajaran PAK 21 ini akan dikendalikan beberapa proses antaranya adalah pelaksanaan aktiviti dalam PnP, penentuan objektif dan bahan rujukan yang berpandukan buku al-Balaghah al-Wadhahah & al-Balaghah al-Arabiyyah. Pemilihan model pengajaran dan pembelajaran ini memfokuskan kepada kaedah pembelajaran yang berpusatkan pelajar seperti yang digagaskan dalam PAK 21. Antara kaedah PAK 21 yang akan digunakan adalah *Wall gallery*, *Travelling file* dan *Rolly robin*.

Rajah 1.7: Pembinaan Model Pengajaran dan Pembelajaran PAK21 berasaskan Model ADDIE



Objektif utama fasa ini adalah untuk menjana dan mengesahkan sumber pembelajaran terpilih. Ia juga bergantung kepada fasa analisis dan reka bentuk. Pembangunan menjadi lebih mudah sekiranya fasa analisis dan reka bentuk dengan tepat (Aldoobie, 2015). Peringkat Pembangunan merujuk pada penyediaan pembelajaran kepada pelajar untuk mencapai objektif pembelajaran yang telah ditetapkan dalam peringkat Reka Bentuk. Peringkat ini melibatkan pembinaan model pengajaran dan pembelajaran PAK21 bagi subjek Balaghah.

## Pembentukan Model PnP Balaghah PAK21



## RUMUSAN

Kajian merumuskan bahawa pendekatan dalam pengajaran model balaghah perlu diperkasakan dan penambahbaikan oleh pensyarah dan universiti dari segi sukatan pelajaran, kaedah mengajar, pembentukan model khas balaghah dan sebagainya. Selain itu, pengajaran dan pembelajaran Balaghah mampu meningkatkan kualiti pembelajaran dan dapat mendorong pembangunan pemikiran aras tinggi, yang mana perlu melibatkan pelajar dalam melaksanakan aktiviti PnP berlandaskan PAK 21. Hasil daripada kajian di atas juga menunjukkan beberapa kaedah pengajaran Balaghah yang perlu digabungkan dengan pendekatan abad ke-21 (PAK 21).

Di sini, boleh dirumuskan bahawa Model ADDIE amat sesuai untuk implementasikan dalam membangunkan Model Pengajaran dan pembelajaran bagi subjek balaghah di IPTA/IPTS. Dengan model pendekatan ini mampu untuk menarik minat para pelajar dalam menghayati ilmu balaghah dengan baik. Dengan demikian, satu model pengajaran balaghah dibangunkan selari dengan keperluan seluruh IPTA/S di Malaysia agar pengajaran dan pembelajaran Balaghah di peringkat IPT dapat diselaraskan dan mampu untuk meningkatkan lagi mutu pembelajaran yang sedia ada.

## RUJUKAN

- Ab Halim Mohamad. (2003). Buku Teks Bahasa Arab di Malaysia: Antara Teori Pengajaran dan Realiti, dalam Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 3. 2003. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Abd Halim Ariffin. (1999). Pengajaran Ilmu Balaghah (Retorika) di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Bawah Kementerian Pendidikan. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Abdullah Tahmin. (1999). Pengajaran Balaghah di Sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ab Rahim Hj. Ismail. (1999). Taalim al-Balaghah al-Arabiyyah fi Kuliyyah al-Dirasat al-Islamiyyah. Prosiding Smeinar Balaghah (Retorika) Arab-Melayu, Universiti kebangsaan Malaysia. hlm. 185-194.
- Abd Rahman Abd. Ali al-Hasyimi. (2005). Pengajaran Balaghah. cetakan pertama. Amman: Dar al-Massira.
- Aldoobie, N. (2015). ADDIE Model. American International Journal of Contemporary Research, 5(6), 68-72.
- Anuar bin Sopian. (2017). Analisis Isi kandungan Buku Teks Bahasa Arab "al-Munir al-Lughah al-Arabiyyah al-Ittisoliyyah" TAC151 UITM Malaysia, Journal of Humanities, Language, Culture and Business. Vol. 1. No. 1.

- Arif Kharkhy Khudhairy. (1994). *Ta'lim al-lughat al-'Arabiyah li ghair al-'Arab Dirasat fi al Manhaj wa Turuq al-Tadris*. Kaherah: Dar Al-Saqafah lil al-Nasyr wa al-Tauzi'.
- Azhar bin Muhammad, Abdul Hafiz Abdullah, Bushrah Basiron, Kamarul Azmi Jasmi. (2006). *Pembelajaran Balaghah Arab di Peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia: Satu Kajian Kes*. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaya.
- Azhar bin Muhammad, Abdul Hafiz Abdullah Bushrah Binti Basiron Kamarul Azmi Bin Jasmi Sulaiman Shakib Bin Mohd Noor. (2006). *Penguasaan Pelajar Sekolah Menengah Aliran Agama Terhadap Pengajian Ilmu Retorik Arab*, Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti teknologi Malaysia.
- Azhar bin Muhammad. (2007). *Menterjemahkan Budaya Retorika Melayu Melalui Pelaksanaan Pengajaran Ilmu Balaghah Arab dalam Kalangan Pelajar Melayu*. Kuala Lumpur: Koleksi Persidangan Penterjemahan Antarabangsa (ke-11: 21-23 Nov 2007).
- Branch, R.M. (2009). *Instructional design: The ADDIE Approach*. New York: Springer London.
- Burn, R.B. (1995). *Introduction to Research Methods*. Melbourne: Longman
- Child, Dennis. (1983). *Application of Psychology for The Teacher*. London: Cassell Education.
- Dick, W., Carey, L., & Carey, J. O. (2009). *The systematic design of instruction* (7<sup>th</sup> ed). Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.
- Jamalludin. H., & Zaidatun, T. (2003). *Multimedia dalam Pendidikan: PTS Publication & Distributors*.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (t.t). *Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21)*
- Larson, M.B., & Lockee, B.B. (2014). *Streamlined ID: A pratical guide to instructional design*. Oxon: Routledge.
- Masyuniza Yunos & Zamri Mahamod. (2013). *Penyepaduan Kemahiran Abad Ke-21 dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusasteraan Melayu Kali Pertama, 338-352.
- Mc Kenny, S., & Reeves, T.C. (2012). *Conducting educational design research*. New York: Routledge
- Mohd Rosdi Ismail & Mat Taib Pa. (2006). *Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Zulkhairi Abd Hamid. (2012). *Reka Bentuk Perisian Pembelajaran Balaghah Arab Peringkat Sekolah Menengah*. Fakulti Bahasa & Linguistik, Universiti Malaya.
- Muhammad Haron, Muhd syukri, Ahmad redzaudin & Norhidayati Abdullah. (2014). *Tahap kebolehbacaan buku al-Mursyid Fi al-Lughah al-Arabiah* (1). *International Journal of Islamic studies and Arabic Language Education*. Volume 1(1): 11-16

- Muhammad Saiful Anuar Yusoff & Wan Nazihah Wan Mohamed. (2020). Motivation in Reading Arabic Literature Books Among Student of Kelantan Religious Schools. *Global Journal Al-Thaqafah*, Universiti Sultan Azlan Shah. GJAT. Julai 2020. Vol. 10 Issue 1/15.
- Munira Husna Baharuddin, Abdul Razak Ahmad, & Noria Munirah Yakub. (2015). Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah Abad ke-21: Isu dan Cabaran. *Prosiding seminar Antarabangsa dan Pendidikan serantau ke tujuh*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Syukri Abdul Rahman, Muhammad Daod, Muhammad Redzauddin Ghazali, Mohd Rufian Ismail, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Nurfida'iy Salahuddin. 2018. Pendekatan Pengajaran Ilmu Balaghah di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(14), 48-58.
- Mohamed Amin. (2016). *Pemikiran dan Reka Bentuk Semula Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke-21*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Merriem, S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Application in Education*. (2<sup>nd</sup> ed). San Francisco: Jossey-Bass.
- Nik Mohd Rahimi, Zahriah Hussin & Wan Normeza. (2014). Penggunaan Strategi Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab Pada Kalangan Pelajar Cemerlang. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)* 67:1 (2014), 33–38.
- Noormala Ali, Mohamed Sharif, Roslee Ahmad. (2005). Pendekatan Temubual Sebagai Metod Kajian Kes: Suatu Persepsi di Kalangan Pelajar Perempuan Cemerlang Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling, *Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository*.
- Nur Syazwani Armuji & Zamri Arifin. (2014). Pembelajaran Balaghah di Peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) di Selangor. *Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Rahmat Arofah Hari Cahyadi. (2019). Pengembangan Bahan Ajar Berbasis ADDIE Model, *Halaqa: Islamic Education Journal*, June 2019, Vol. 3. No.1, Universitas Muhammadiyah Surabaya, Indonesia.
- Raja Hazirah Raja Sulaiman, Kamariah Yunus, Muzammir Anas, Nurazan Mohamad Rouyan, Shuhaida Hanim, Mohamad Suhane. (2014). Keberkesanan Metode Perbandingan Retorika Melayu dan Arab Untuk Meningkatkan Minat Pelajar dalam Pembelajaran Balaghah, *Prosiding seminar pengajaran & pembelajaran Arab, UKM*.
- Raja Hazirah Raja Sulaiman, (2012). Penguasaan Balaghah Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT), *Jabatan Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya*.
- Rini Dwi Susanti. (2014). Strategi Pengajaran Membaca Pada Mata Pelajaran Bahasa Arab di Madrasah Ibtidaiyah. *Elementary Journal*. Vol. 2. No. 2, Juli-Disember 2014

- Shuhaida Hanim Mohamad Suhane, Muzammir Anas, Raja Hazirah Raja sulaiman, Nurazam Mohd Rouyan. (2014). Kepentingan Memperkenalkan Model Strategi Pengajaran Balaghah Peringkat IPT di Malaysia. Prosiding seminar pengajaran & pembelajaran Arab, UKM.
- Zulkhairi M. Abd Hamid. (2012). Reka Bentuk Perisian Pembelajaran Balaghah Arab Peringkat Sekolah Menengah. Disertasi Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.